

21 OCT 2000

MAHATHIR-TIMES SQUARE

BERJAYA CITY KINI DIKENALI SEBAGAI TIMES SQUARE

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menamakan semula projek Berjaya Star City di sini sebagai Berjaya Times Square.

Beliau melahirkan harapan agar struktur yang berharga RM1.9 bilion itu akan muncul sebagai destinasi pelancongan terulung serta menambahkan lagi mercu tanda di negara ini.

Apabila siap sepenuhnya pada Jun 2002, Times Square akan menjadi kompleks beli-belah, pusat riadah dan pejabat sepadu yang terbesar di negara ini. Ia kini siap 65 peratus.

Projek itu terletak di tapak seluas 5.08 hektar dan mempunyai kawasan binaan seluas 7.5 juta kaki persegi. Ia akan muncul sebagai satu daripada bangunan yang terbesar di dunia.

Dalam ucapannya di majlis menukar nama serta menyempurnakan projek itu, Dr Mahathir berkata industri pembinaan adalah satu perniagaan yang banyak menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi di Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, beliau berkata pembangunan adalah terlalu pesat hingga adakalanya menyebabkan kesesakan jalanraya.

Pelabur-pelabur asing berasa kagum dengan bangunan yang tinggi di Malaysia seperti KLCC (Kuala Lumpur City Centre). Bagaimanapun, beliau berkata menurut pelabur-pelabur tersebut, kebanyakan bangunan ini kosong dan tiada penyewa.

Dr Mahathir berharap perkara-perkara ini tidak benar dan berharap Times Square akan mempunyai penyewa.

Beliau juga berharap agar kontraktor projek ini bersungguh-sungguh supaya ianya menjadi projek yang berjaya.

Pengerusi merangkap ketua pegawai eksekutif kumpulan Berjaya, Tan Sri Vincent Tan, dalam ucapannya berkata bahawa projek tersebut telahpun dimulakan sejak Oktober 1995, tetapi menghadapi dugaan disebabkan krisis ekonomi.

Buat masa ini, pembinaannya sudah siap dengan strukturnya sampai ke tingkat 45. Projek itu mempunyai tempat pendaratan helikopter di tingkat ke 47.

Tan berkata Times Square akan mempunyai 12 penyewa utama dan 800 lot kedai. Ia akan membawa masuk peruncit dari United Kingdom, iaitu Debenhams yang terkenal sebagai pakar pereka fesyen pakaian.

Apabila siap sepenuhnya, Times Square akan mempunyai 56 laluan boling, 50 kafe, bistro dan restoran dan lapan pawagam.

Pada akhir tahun depan, kerja-kerja pemasangan kelengkapan elektrik dan mekanikal serta kemasan akhir akan dijalankan.

-- BERNAMA

SHO/MFZ MA